

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**SOALAN :**

**YB HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menempatkan sekurang-kurangnya seorang pakar perubatan di hospital-hospital daerah khususnya di daerah-daerah pelancongan seperti Jerantut, Pahang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Memanglah menjadi hasrat kerajaan untuk menempatkan pakar perubatan di hospital daerah. Buat masa ini, perkhidmatan kepakaran di Hospital Jerantut diberikan oleh 12 orang pegawai perubatan yang telah dilatih dalam bidang masing-masing di samping pakar pelawat dari Hospital Lipis, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah Temerloh, Hospital Bentong dan Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan yang memberikan perkhidmatan kepakaran secara berkala. Kes-kes biasa akan dirawat di hospital Jerantut, manakala kes-kes yang rumit akan dirujuk terus ke hospital berpakar yang berdekatan.

Kerajaan sedang memperkukuhkan dan memperkembangkan lagi perkhidmatan kepakaran sedia ada di Negeri Pahang meliputi Hospital Kuala Lipis, Hospital Bentong, Hospital Pekan, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah dan Hospital Tengku Ampuan Afzan. Bagi Hospital Jerantut pula, pakar tetap akan ditempatkan kelak secara berperingkat.

**SOALAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN 13/2014**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN  
BIN IDRIS [JERANTUT]**

**SOALAN : NO. 77**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian khususnya FELCRA berhasrat untuk menjual atau memindah hak aset atau harta FELCRA kepada pihak lain dan jika ada dimanakah dan berapakah jumlah aset-aset tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Dimaklumkan, bahawa pada masa ini Pengurusan FELCRA Berhad tidak berhasrat untuk menjual atau memindah sebarang hak aset atau harta FELCRA kepada pihak lain.

**NO. SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**RUJUKAN : 7258**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menangani penjenayah serta mereka yang semakin berani mengganggu-gugat keselamatan terutama selepas ISA dimansuhkan.

## **JAWAPAN:**

Dalam usaha menjamin keselamatan negara ekoran pemansuhah ISA, pihak Kerajaan telah membuat pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 2014 bagi menangani peningkatan kes-kes jenayah yang menggugat keselamatan rakyat. Tindakan ini adalah usaha yang berterusan PDRM sejak pemansuhan Ordinan Darurat 1969 dan ISA.

Di samping itu bagi menjamin keselamatan negara dan kententeraman awam, Kerajaan telah memperkenalkan Akta baru iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 17 April 2012 dan diberi perkenan Diraja pada 18 Jun 2012 dan diwartakan pada 22 Jun 2102.

Bagi menangani penjenayah-penjenayah tersebut, selain diperkenalkan undang-undang baru, pihak PDRM telah menubuhkan Pasukan Khas bagi membasmi masalah jenayah di dalam negara. Pasukan yang telah ditubuhkan dan telah beroperasi iaitu STAFOC (*Special Task Force On Organizes Crime*) dan STING (*Special Tactical Intelligence Narcotics Group*) bagi mengambil tindakan kepada jenayah dan dadah. Dalam tempoh terdekat Kerajaan telah bersetuju penubuhan pasukan khas untuk memerangi masalah kongsi gelap, perjudian dan maksiat iaitu Skwad Taktikal Khas 3 dengan

kekuatan seramai 200 pegawai dan 30 kakitangan awam yang dijangka mula beroperasi pada bulan Disember nanti.

Adalah diyakini dengan pengenalan kepada undang-undang baru dan pasukan khas yang telah ditubuhkan, pihak PDRM berkeupayaan untuk menangani masalah jenayah di dalam negara. Namun demikian, masalah jenayah merupakan masalah bersama antara pihak penguatkuasaan dan masyarakat. Penglibatan masyarakat membantu pihak polis dalam menyalurkan maklumat merupakan kunci utama dalam menentukan kejayaan menghapuskan kegiatan jenayah di dalam negara.